

KERANCUAN DALAM BAHASA MELAYU

Teo Kok Seong

Abstrak

Makalah ini membicarakan kerancuan dalam bahasa Melayu semasa, dalam ranah rasmi yang ditinjau dari pelbagai keadaan. Antara yang penting adalah keadaan (a) tidak teratur dari segi pembakuan nahu bahasa Melayu, (b) bercampur aduk, khususnya dengan bahasa Inggeris dalam bentuk "bahasa rojak", dan (c) tidak tertib apabila bahasa Melayu digantikan oleh bahasa Inggeris sebagai bahasa wahana. Kesan fenomena kerancuan ini ke atas bahasa Melayu selaku bahasa negara: bahasa kebangsaan Malaysia dan bahasa rasmi negara, ikut dibicarakan, khususnya dalam konteks pertumbuhan dan perkembangan peradaban tinggi untuk bangsa/negara Malaysia. Langkah dan usaha pembanterasan keadaan tidak teratur, bercampur aduk dan tidak tertib pada bahasa Melayu merupakan mauduk perbincangan lain yang penting dalam makalah ini.

Abstract

This article discusses the disorderly usage found currently in the Malay language, in the official/formal domain, as examined from various positions. Among the more important ones are (a) usage that does not give prominence to the grammar rules of the standard variety of the Malay language, (b) habit of intermingling with the English language when using the Malay language, and (c) practice of using the English language as a vehicle language to replace the Malay language. Implications of these disorderly practices on the Malay language as the national and official language of the nations, are also examined, particularly in the context of nation building from the cultural dimension. Measures and actions to be taken to halt these corrupt usages constitute another important discussion in the article.

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu ialah bahasa negara: bahasa kebangsaan Malaysia dan bahasa rasmi negara. Ini termaktub pada Perkara 152 dalam Perlembagaan Negara/Malaysia, Akta Bahasa Kebangsaan 1967, dan Undang-undang Pendidikan Kebangsaan semenjak Akta Pelajaran 1957 hingga ke Akta Pendidikan 1996.

Sebagai bahasa kebangsaan Malaysia, dan lebih-lebih lagi dalam peranannya sebagai bahasa rasmi negara, bahasa Melayu merupakan bahasa wahana untuk ranah/domain rasmi di negara ini. Sehubungan ini, bahasa Melayu hendaklah digunakan dalam “apa-apa jua maksud kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam”.

Kenyataan ini yang tercatat pada Perkara 152 Fasal 6 Perlembagaan Negara dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 Seksyen 1, yang merupakan pengertian dan kehendak “penggunaan rasmi” atau “penggunaan dalam ranah rasmi”, adalah terlalu sempit dan minimum sekali.

Pengertian dan kehendak ini difahami dan/atau dieksploitasi dalam kalangan kita sebagai hanya bersangkutan dengan (a) urusan dengan kerajaan, yakni sesuatu perkara yang harus diselesaikan dengan pihak pemerintah, (b) perkara yang dikelolakan oleh pihak kerajaan, iaitu sebarang kegiatan/acara yang diaturkan oleh pihak pemerintah, dan (c) upacara/majlis/acara yang dikendalikan oleh pihak kerajaan dan/atau untuk pihak kerajaan.

Ranah Rasmi

Sebenarnya, ranah rasmi itu luas sekali dan merangkumi antaranya bidang perundangan dan kehakiman, pentadbiran kerajaan dan agensi-agensinya, pengajian tinggi dan buku ilmiah, pelajaran sekolah rendah serta menengah dan buku teks, media massa cetak dan elektronik, kegiatan ekonomi dan perdagangan, pembangunan sains dan teknologi, profesion dan pekerjaan, dan upacara/majlis/acara rasmi, baik yang dianjurkan oleh pihak awam mahupun swasta.

Penggunaan rasmi seperti yang tercatat secara tersurat itu pada Perlembagaan Negara dan Akta Bahasa Kebangsaan (1967), yang hanya memerlukan penggunaan bahasa Melayu sewaktu berurusan dengan pihak kerajaan serta agensi-agensinya, sebenarnya hendaklah diperluas skopnya.

Peluasan liputan dan lingkungan penggunaan dalam ranah rasmi ini hendaklah merangkumi segala macam kegiatan dan apa-apa sahaja yang

melibatkan penggunaan ruang awam dan/atau perhatian awam, yang dianjurkan (misalnya pelancaran acara tertentu) dan diuruskan (misalnya pemasangan sesuatu iklan) oleh mana-mana organisasi, sama ada awam ataupun swasta.

Ini adalah kerana kegiatan (misalnya hari keluarga yang diadakan di tepi pantai oleh sebuah syarikat swasta) dan urusan (misalnya pemberitahuan yang ditampal di kantin oleh pemiliknya) itu merupakan kegiatan dan urusan formal, yang bukan sahaja sudah pasti mendapat perhatian awam selain menggunakan ruang awam, tetapi yang perlu mengikut/mematuhi adab dan susila tertentu, termasuklah tingkah laku sosial dan budaya, dan tidak ketinggalan peraturan linguistik.

Ranah rasmi ialah satu medan pengaruh yang amat berwibawa lagi berprestij, yang menguasai kehidupan seluruh warga sesebuah negara itu, dan bahasa yang digunakan untuk dan dalam ranah rasmi ini, sebenarnya ialah bahasa yang disanjung (dan/atau perlu disanjung) dalam negara berkenaan, oleh semua pihak dan lapisan masyarakat.

Ragam bahasa yang digunakan dalam ranah rasmi ini bukan sahaja harus berprestij, yakni bersifat bestari dari segi memiliki ciri-ciri ketinggian dan kemuliaan linguistik, dan sudah tentu tidak boleh rancu, tetapi juga harus dicontohi penggunaannya serta diangkat sebagai cara pengucapan yang unggul dalam pertumbuhan, pembentukan dan pengembangan peradaban bangsa dan negara.

Dalam konteks ini, di Malaysia, ragam yang dimaksudkan ialah ragam baku bahasa Melayu. Ragam ini hendaklah digunakan **dalam keadaan bestari**, dan **sepenuhnya** (dari awal hingga akhir) sewaktu bertutur dan/atau menulis, lebih-lebih lagi dalam penggunaan rasmi, yang sudah semestinya mengikut skopnya yang luas, dan tidak hanya terbatas kepada kegiatan berurusan dengan pihak kerajaan oleh rakyat dan pengendalian kegiatan kerajaan (oleh kerajaan) kepada rakyat.

Pematuhan dua syarat linguistik ini adalah perlu sekali sebagai salah satu langkah penting untuk menokok/mengimbuh kuasa dan wibawa kepada bahasa Melayu dalam kapasitinya sebagai bahasa negara, selain mempertingkatkan kedominannya dari pelbagai aspek: perundangan, ideologi, dan tindakan (Teo Kok Seong, 1999:25–33).

Kerancuan dalam Bahasa Melayu dalam Ranah Rasmi

Walau bagaimanapun, dua syarat linguistik ini tidak selalu diikuti/dipatuhi. Yang sering terjadi ialah penggunaan (a) bentuk-bentuk bahasa yang

melanggar hukum dan peraturan nahu baku/standard bahasa Melayu, (b) bahasa Melayu yang menggunakan dan/atau sarat dengan perkataan dan frasa bahasa Inggeris yang bukan pun merupakan kata-kata pinjaman/serapan dalam bahasa Melayu, dan (c) bahasa Inggeris, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya untuk menggantikan bahasa Melayu sebagai bahasa wahana.

Tiga keadaan ini yang merupakan aspek-aspek kerancuan dalam bahasa Melayu semasa, didapati wujud dengan amat berleluasa dan secara bersewenang sekali, walaupun dalam penggunaan rasmi atau penggunaan dalam ranah rasmi.

I.

Kerancuan dalam bentuk pelanggaran/pencabulan nahu baku bahasa Melayu, dalam ranah rasmi, sudah lama berlaku. Masyarakat Malaysia nampaknya tidak berjaya menguasai nahu baku bahasa Melayu.

Sebagai contoh, kesalahan mengeja mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia yang dilancarkan pada 16 Ogos 1972, masih berleluasa di Malaysia. Nampaknya, sebilangan besar masyarakat Malaysia, terutamanya kumpulan etnik Melayu yang walaupun merupakan penutur natif, tidak dapat memahami dan menguasainya dengan baik.

Kesalahan mengeja kata sendi nama "di" (seperti **disana*) dan juga "ke" (seperti **kesini*) dan imbuhan awalan "di" (seperti **di larang*) dan "ke" (seperti **ke semua*) masih kelihatan terjadi sehingga hari ini. Kesalahan yang sama ikut dilakukan oleh sebilangan besar komuniti bahasa Melayu, khususnya dalam kalangan penutur natif, di Indonesia, Negara Brunei Darussalam dan Singapura yang ikut menggunakan sistem ejaan itu.

Hal ini, yakni kesalahan yang sama berlaku di Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam dan Singapura di mana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, lebih-lebih lagi dalam kalangan penutur-penutur natif, menimbulkan satu pertanyaan penting. Mengapa peraturan pengejaan kata sendi nama dan imbuhan awalan itu, serta beberapa yang lain yang dicadangkan/ditetapkan oleh sistem ejaan itu, tidak dapat difahami dan seterusnya tidak berjaya dihayati dalam bentuk penggunaannya yang betul?

Beberapa pertanyaan sampingan ikut timbul: Antaranya, (a) adakah peraturan "di" dan juga "ke" sebagai dua entiti nahu yang tidak sama dan harus dibezakan pengejaannya itu merupakan satu rumus bahasa/linguistik yang sukar difahami oleh masyarakat biasa dan juga masyarakat terpelajar?

dan (b) adakah peraturan lama mengenai aspek bahasa itu lebih senang difahami kerana rumus bahasa/linguistik tentangnya adalah lebih mudah, yakni tidak rumit?

Peraturan lama yang rata-ratanya berdasarkan Sistem Ejaan Sekolah/Za'ba, tidak memerlukan "di" dan "ke" yang walaupun merupakan dua entiti nahu tidak sama, dieja berdasarkan dua rumus yang berbeza. Sistem ini menganjur/menetapkan "di" sama ada dalam mendukung fungsi sebagai kata sendi nama atau imbuhan awalan, dan begitu juga halnya dengan "ke", dieja/ditulis dengan mengikuti/mematuhi satu rumus yang sama sahaja, iaitu ditulis dengan menggunakan sengkang/sembarang – "*di-sana, di-larang, ke-sini, ke-semua* .

Peraturan baharu yang diasaskan oleh Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia mengkehendaki "di" dan juga "ke" dieja/ditulis mengikut dua rumus yang berbeza, mengikut entiti nahu yang didukung, sama ada sebagai kata sendi nama atau sebagai imbuhan awalan. Peraturan baharu ini mengesyorkan/menetapkan imbuhan awalan "di" ditulis secara bergabung dengan kata yang mengikutinya.

Ini selaras dengan cara pengejaan semua imbuhan, lebih-lebih lagi awalan lain seperti "*ber*" – "*berjalan*", "*ter*" – "*terpenting*" dan "*meng*" yang wujud dalam pelbagai kelainan – "*menghalang*", yang ditulis secara bergabung, dan tanpa penggunaan sengkang/sembarang. Cara pengejaan "ke" sebagai imbuhan awalan juga mengikut landasan yang sama.

Sebagai kata sendi nama, kedua-dua "di" dan "ke" hendaklah dieja/ditulis secara berpisah dengan kata yang mengikutinya. Peraturan baharu ini diasaskan kepada rumus bahasa/linguistik yang mengeja/menulis kata sendi nama dalam bahasa Melayu secara terpisah daripada kata yang mengikutinya – "*di sini, di penjara, di Kota Kinabalu, ke sana, ke kebun, ke Sandakan*".

Sistem Ejaan Sekolah/Za'ba yang digunakan dengan meluaskan sekali sejak digubal pada 1924, sebelum digantikan oleh Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia yang diperkenal pada tahun 1972, menulis semua imbuhan, khususnya awalan, secara bergabung dengan kata yang mengikutinya – "*berchakap, terpakai, menulis*" (lihat Zainal-'Abidin bin Ahmad, 1958: *passim/merata*).

Hanya imbuhan-imbuhan "di" dan "ke (ka)" dieja/ditulis (dalam konteks perbincangan ini) secara menggunakan sengkang/sembarang, yakni lain daripada cara mengeja/menulis semua imbuhan. Ini menimbulkan ketidakselarasan dalam mengeja/menulis entiti nahu yang sama, yang merupakan antara kelemahan besar pada Sistem Ejaan Sekolah/Za'ba.

Ketidakselarasan atau kelemahan ini yang diteliti dan diatasi dari sudut ilmu bahasa/linguistik melalui Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia, bukan sahaja bertujuan untuk menyamakan/menyeragamkan peraturan mengeja/menulis entiti nahu yang sama dengan menggunakan satu rumus sahaja, tetapi juga merupakan usaha ilmiah untuk menjadikan bahasa Melayu, khususnya ragam bakunya lebih mangkus/efisien.

Usaha pemangkusan ini (dan lain-lain) dianggap penting dalam memantapkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa moden, yakni bahasa yang mampu mengungkap segala macam hal, baik yang konkrit mahupun yang abstrak, dalam apa-apa jua disiplin ilmiah/pengajian. Bahasa Melayu dalam kapasitinya sebagai bahasa moden adalah salah satu mercu peradaban tinggi yang dimiliki oleh bangsa Malaysia.

Bahasa Melayu (melalui ragam bakunya) dalam konteksnya sebagai bahasa moden, harus mempunyai dua dimensi ini: keintelektualan dan kesempurnaan (Nik Safiah Karim, 1986:7-14). Keintelektualan pada bahasa Melayu antaranya merujuk kepada keupayaannya mengungkap serta menyampaikan pemikiran dalam bentuk-bentuk buah fikiran dan hujah secara bestari, yakni dalam bentuk-bentuk bahasa Melayu yang baik dan betul dari segi pembakuan bahasa Melayu (dalam konteks perbincangan makalah ini). Dengan perkataan lain, keintelektualan ini boleh dicapai hanya melalui pengembangan dan kemajuan dalam nahu bahasa Melayu, khususnya nahunya yang telah dibakukan.

Manakala kesempurnaan pada bahasa Melayu antaranya merupakan penggunaan bahasa (laras bahasa) yang tepat, sesuai dan perlu dengan situasi/keadaan, khususnya dalam situasi rasmi/formal (dalam konteks perbincangan makalah ini). Dalam konteks penggunaan dalam ranah rasmi, ragam baku bahasa Melayu ialah satu-satunya ragam (laras bahasa) yang bukan sahaja sesuai tetapi harus digunakan.

Penggunaan ragam baku ini bukan sahaja penting dalam menonjolkan kualiti linguistik yang tinggi pada bahasa Melayu sewaktu digunakan dalam ranah rasmi, tetapi juga ragam baku bahasa Melayu (dan mana-mana ragam baku bahasa-bahasa lain) ialah ragam yang paling baik dan sesuai untuk digunakan dalam situasi/keadaan rasmi yang bukan sahaja formal tetapi mulia.

Ranah rasmi merupakan medan dan landasan yang paling baik dan amat berkesan bukan sahaja untuk mengembang dan memajukan ragam baku bahasa Melayu, tetapi juga untuk menjaga martabat dan citra bahasa Melayu sebagai bahasa negara pada mata rakyat sendiri dan juga masyarakat antarabangsa. Sehubungan ini, kerancuan dalam bahasa Melayu dalam

bentuk pelanggaran dan pencabulan hukum dan peraturan linguistik, khususnya dari segi pembakuan nahu bahasa Melayu, tidak seharusnya berlaku, dalam ranah rasmi.

Hukum dan peraturan baharu, misalnya cara penggunaan kata sendi nama “di antara” dan “antara” yang sering kali dianggap sebagai tidak selari dan bercanggah dengan kelaziman berbahasa (yang berdasarkan nahu tabii, yakni pengetahuan bahasa dan cara berbahasa yang diperoleh semasa mempelajari bahasa sebagai bahasa ibunda sejak bayi lagi secara tak formal daripada ibu bapa dan ahli-ahli masyarakat, yang menganggap “di antara” dan “antara” sebagai bersinonim), sebenarnya ialah pengetahuan bahasa dan cara berbahasa Melayu yang berlandaskan akal dan alasan linguistik bahasa Melayu, yang berdasarkan ilmu pada disiplin linguistik.

Natijah yang ingin disampaikan di sini ialah aspek-aspek pembakuan nahu (misalnya peraturan penggunaan (a) kata pemerii “ialah” dan “pemerii”, (b) kata sendi nama “dari” dan “daripada”, dan (c) kata kerja transitif yang harus diikuti oleh objek secara langsung, dan peraturan pengejaan/penulisan (a) kata majmuk, (b) kata partikel “pun”, dan (c) imbuhan “ke” dengan angka (ke-11, ke-XI (Teo Kok Seong, 2004a:*passim/merata*)), sebenarnya ialah bentuk bahasa Melayu dan penggunaan bahasa Melayu yang dapat memperlihatkan keintelektualan dan kesempurnaan pada bahasa Melayu. Ini antaranya adalah kerana bentuk dan penggunaan bahasa Melayu itu ialah bentuk dan penggunaan yang sudah “disuntik” dengan akal dan alasan linguistik bahasa Melayu, berdasarkan ilmu pada disiplin linguistik.

Penyuntikan linguistik ini adalah penting sekali. Ia amat diperlukan kerana bentuk dan penggunaan bahasa Melayu yang tidak melalui proses pemasukan elemen-elemen linguistik ini, ialah bentuk dan penggunaan yang tidak mampu mengungkap dan mewacanakan peradaban tinggi, lebih-lebih lagi dari dua dimensi linguistik yang penting: keintelektualan dan kesempurnaan.

Dengan perkataan lain, bentuk-bentuk bahasa Melayu yang telah melalui proses pembakuan, ialah “bahasa Melayu terbina”, yakni dipupuk dan dikembangkan berdasarkan ilmu pada disiplin linguistik (melalui perancangan bahasa Melayu yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai badan pengembangan dan kemajuan bahasa Melayu yang utama di Malaysia, kepada korpus bahasa Melayu). Bahasa Melayu terbina ialah satu-satunya bahasa/raham yang layak dan mampu membangun, mengembang dan memajukan peradaban bangsa Malaysia.

Dalam konteks ini, kita hendaklah menggunakan bahasa Melayu terbina, yang bestari sifatnya, yakni yang tidak rancu dari segi pembakuan nahu bahasa Melayu, khususnya dalam ranah rasmi.

II.

Bentuk dan penggunaan bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris, sama ada pada peringkat perkataan, frasa, ayat, atau wacana, yang dikenali sebagai “penukaran kod” dalam disiplin bahasa/linguistik, dan sebagai “bahasa rojak” dalam kalangan masyarakat Malaysia, ialah gejala linguistik bahasa Melayu semasa lain yang rancu, dan wujud secara berleluasa sekali dalam ranah rasmi.

Penukaran kod/bahasa rojak berlaku dalam bahasa Melayu apabila kata-kata bahasa Inggeris yang bukan merupakan kata pinjaman/serapan, digunakan semasa berbahasa Melayu. Ekoran daripada penggunaan begini, gejala campur aduk bahasa Melayu-bahasa Inggeris di Malaysia, yang berlaku dalam keadaan bersewenang-wenang, wujud dalam sekurang-kurangnya empat bentuk (Teo Kok Seong, 2004b:12–14).

Bentuk pertama yang dikenali secara ilmiah sebagai “penukaran kod tempelan” ialah campur aduk bahasa Melayu-bahasa Inggeris yang melibatkan penggunaan hanya sepatah perkataan bahasa Inggeris dalam ungkapan yang (hampir) keseluruhannya diucapkan dalam bahasa Melayu. Perhati contoh-contoh yang berikut:

- (i) *Ok*, kita teruskan majlis penyampaian hadiah ini.
- (ii) *So*, mereka akan menghantarnya melalui perkhidmatan pos biasa.
- (iii) *Alright*, nampaknya semua pihak gembira setakat ini.

Penempelan sepatah perkataan bahasa Inggeris yang tidak merupakan kata pinjaman/serapan dalam bahasa Melayu, telah menjadikan keseluruhan ungkapan bahasa Melayu itu, pengucapan yang menggunakan dua bahasa.

Bentuk kedua dikenali secara ilmiah sebagai “penukaran kod dalam ayat”. Bentuk ini dianggap berlaku kalau penukaran daripada satu bahasa kepada satu bahasa lain terjadi dalam ayat yang sama. Perhatikan contoh-contoh yang berikut:

- (i) Para hadirin diminta *switch off* telefon bimbit.
- (ii) Melodi dan lirik sama *importantnya* dan hendaklah diberi *attention* yang sama *equalnya*.
- (iii) Kulit album yang *simple* boleh menggambarkan penerbitan yang ala kadar.

Ungkapan-ungkapan ini mempamerkan penggunaan kata dan/atau frasa bahasa Inggeris yang bukan merupakan kata pinjaman/serapan dalam bahasa

Melayu, dalam lingkungan ayat yang sama.

Secara ilmiahnya, bentuk ketiga ini dikenali sebagai “penukaran kod di antara ayat”. Fenomena kebahasaan ini dikira berlaku apabila penukaran daripada satu bahasa kepada satu bahasa lain itu, terjadi di antara ayat. Perhatikan contoh-contoh yang berikut:

- (i) *Some changes are expected to take place soon.* Sesetengah staf dari ibu pejabat di Kuala Lumpur akan ditukar ke sini.
- (ii) Ini adalah kali pertama saya berada di sini. *Therefore, I am not familiar with the place.*
- (iii) Saya berharap perkara begini tidak berlaku lagi. *I promise you it won't happen again. Every possible step will be taken from now on to keep this promise.* Maaf atas segala yang berlaku.

Bentuk keempat secara ilmiahnya dipanggil “penukaran kod dalam perkataan”. Bentuk ini memperlihatkan penggunaan bahasa lain, misalnya bahasa Inggeris, dalam pembentukan perkataan bahasa Melayu. Perhatikan contoh-contoh yang berikut:

- (i) *forwardkan, visualizekan*
- (ii) *terdelete, terprint*
- (iii) *bersign, berblouse*
- (iv) *mentargetkan, mengobstruct*
- (v) *ditransfer, disupport*

Penggunaan bentuk-bentuk bahasa Inggeris, sama ada perkataan tunggal, frasa (di sana sini), atau ayat sepenuhnya, dalam contoh-contoh di atas pada keempat-empat bentuk penukaran kod/bahasa rojak, sebenarnya memperlihatkan sikap berbahasa yang sewenang-wenang/bersewenang-wenang dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sikap berbahasa begini bukan sahaja memperlihatkan amalan berbahasa ini dilakukan dengan sekehendak hati sahaja dan dengan sembarangan semata-mata, tetapi lebih penting lagi ia melanggar peraturan linguistik bahasa Melayu.

Bentuk dan penggunaan campur aduk ini dianggap sebagai kes pelanggaran/pencabulan peraturan linguistik bahasa Melayu. Ini antaranya adalah kerana (a) perkataan bahasa Inggeris yang digunakan itu tidak pernah dipinjam/diserapkan ke dalam bahasa Melayu, dan (b) ayat-ayat bahasa Inggeris yang digunakan sebegitu tidak pernah merupakan gaya wacana/berbahasa yang dibenarkan dalam bahasa Melayu, dalam konteks

pembakuan bahasa Melayu. Kerancuan dalam bahasa Melayu yang mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris juga harus dilihat dari dimensi penyebutan kata-kata pinjaman/serapan bahasa Inggeris, yang tidak berasaskan sistem bunyi (fonetik dan fonologi) bahasa Melayu, khususnya dalam konteks sebutan baku.

Ketiga-tiga aspek campur aduk ini, iaitu penggunaan (a) bentuk-bentuk bahasa Inggeris yang tidak dipinjam/diserapkan, (b) ayat dan kalimat bahasa Inggeris sewaktu berbahasa Melayu, dan (c) sebutan asal, yakni yang mengikut sistem bunyi bahasa Inggeris ketika menyebut kata-kata pinjaman/serapan bahasa Inggeris, sebenarnya adalah unsur-unsur bahasa yang boleh “mencemari” dan “menjahanamkan” kejatian linguistik bahasa Melayu (Teo Kok Seong, 2004d:8–9).

Amalan bahasa yang mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris mula (atau sudah) menjadi semacam budaya nasional, yakni berlaku secara berleluasa di seluruh negara dan digemari oleh semua pihak dan lapisan masyarakat. Satu implikasi tentang gejala linguistik ini ialah masyarakat Malaysia tidak peduli dan tidak endah tentang kejatian dan kemurnian bahasa Melayu.

Dengan perkataan lain, masyarakat Malaysia tidak acuh lagi kepada kehadiran unsur-unsur bahasa/linguistik daripada bahasa lain, yang merupakan bahasa Inggeris (dalam konteks perbincangan makalah ini), yang boleh “mencemari” dan “menjahanamkan” kejatian dan kemurnian bahasa Melayu.

III.

Bahasa Melayu yang digantikan penggunaannya dalam ranah rasmi, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya, oleh bahasa Inggeris, ialah satu lagi keadaan kerancuan yang wujud dalam bahasa Melayu semasa.

Hal begini sepatutnya tidak berlaku. Ini adalah kerana bahasa Melayu telah pun dipilih untuk digunakan dalam upacara/majlis rasmi secara “*de jure*”, yakni termaktub dan sah di sisi undang-undang, dalam kapasitinya sebagai bahasa rasmi negara.

Walaupun diperuntukkan oleh/dalam undang-undang (melalui Perkara 152 Fasal 6 dalam Perlembagaan Negara/Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan Seksyen 1), sesetengah pihak didapati tidak menggunakan bahasa Melayu langsung, dalam upacara/majlis rasmi yang keseluruhannya dihadiri oleh warga Malaysia, sejak akhir-akhir ini.

Beberapa sebab boleh dihubungkan dengan fenomena kebahasaan ini.

Antaranya ialah (a) pelaksanaan Dasar Bahasa Negara yang tidak tegas terhadap skop rasmi yang walaupun sempit, yang hanya memerlukan bahasa Melayu dalam peranannya sebagai bahasa negara digunakan untuk berurusan dengan kerajaan (dan agensi-agensinya) sahaja, (b) kurang kefahaman tentang peranan bahasa Melayu selaku bahasa negara oleh banyak pihak, khususnya pihak swasta, tentang penggunaannya dalam ranah rasmi yang sebenarnya meliputi penggunaan yang jauh lebih luas daripada yang ditetapkan dalam Dasar Bahasa Negara, dan (c) kekeliruan linguistik ekoran penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu/bahasa wahana untuk menyampaikan pengetahuan sains dan teknologi kepada masyarakat Malaysia.

Kekeliruan linguistik ini yang berlaku akibat perubahan dasar pada bahasa pengantar/ilmu untuk mengajar dan mempelajari mata-mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, yang bermula pada Januari 2003. Perubahan Dasar Pendidikan Kebangsaan ini memberi ruang dan kuasa yang lebih luas secara "*de jure*" kepada bahasa Inggeris dalam bidang pendidikan sahaja, pada peringkat-peringkat pengajian yang tertentu sahaja.

Perubahan dasar ini tidak sekali-kali memberi ruang dan kuasa yang lebih luas kepada bahasa Inggeris secara "*de jure*" dalam bidang-bidang lain, misalnya bidang penyiaran. Bidang ini yang amat bersikap proaktif telah mula menggunakan bahasa Inggeris, sama ada bersama-sama dengan bahasa Melayu atau sepenuhnya, sebagai bahasa media massa elektronik, dalam mengelolakan sesebuah rancangan itu (misalan "*Malaysian Idol*" yang diterbitkan oleh 8TV) ataupun dalam memberi judul kepada sesebuah rancangan yang disiarkan itu (sebagai contoh "*You asked for it*" yang disiarkan oleh ntv7) (Teo Kok Seong, 2004c: *passim/merata*).

Kekeliruan linguistik ini hendaklah diperbetul oleh kerajaan secepat yang boleh dan tidak boleh dibiarkan berlarutan. Ini antaranya akan, malah sudah pun menyebabkan bahasa Melayu sejak akhir-akhirnya berkembang secara "*laissez-faire*", yakni secara sembarang tanpa arah/kawalan.

Peranan-peranan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di Malaysia sudah jelas dalam Dasar Bahasa Negara. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dikembang dan dipupuk untuk mendukung dua fungsi yang berlainan di antara satu sama lain. Setiap satunya telah pun digaris dan ditetapkan (a) bidang, (b) peranan, dan (c) penggunaan, masing-masing.

Bahasa Melayu dikhususkan peranannya untuk membangunkan negara, dalam pengertian menjadi alat penjana dan pengungkap kemajuan dan peradaban bangsa Malaysia. Manakala bahasa Inggeris dihaskan untuk berfungsi sebagai bahasa sumber ilmu dan bahasa ilmu untuk bidang sains

dan teknologi sahaja, selain menjadi alat perhubungan antarabangsa.

Dasar Bahasa Negara hendaklah ditegaskan semula untuk menyedarkan masyarakat Malaysia tentang kedudukan bahasa Melayu yang harus sentiasa diutamakan, khususnya penggunaan dalam ranah rasmi (dalam konteks perbincangan makalah ini), agar sesuai dengan peranannya sebagai bahasa negara.

Kesan Kerancuan dalam Bahasa Melayu

Pertimbangan serius harus diberikan kepada ketiga-tiga keadaan kerancuan dalam bahasa Melayu semasa. Ini adalah kerana fenomena kebahasaan yang rancu ini bukan sahaja boleh membawa kesan negatif/buruk kepada usaha memartabatkan bahasa Melayu serta memupuk citra bahasa Melayu sebagai bahasa negara, tetapi kejadian linguistik ini boleh menyebabkan bahasa Melayu merosot, yakni menjadi mundur.

Kemerosotan ini berlaku akibat (a) kualitinya yang rendah kerana penggunaan yang melanggar hukum dan peraturan nahu baku, serta bercampur aduk dengan bahasa Inggeris, dan (b) imejnya yang tidak penting lagi dari segi kuantitinya yang sudah berkurangan akibat digantikan penggunaannya oleh bahasa Inggeris, dalam ranah rasmi.

Kemerosotan pada bahasa Melayu dalam bentuk-bentuk ini, boleh merupakan langkah pertama yang boleh pula membawa kepada kepupusan bahasa Melayu. Dengan perkataan lain, bahasa Melayu yang menjadi mundur akibat kerancuan yang berlaku dalamnya, dan yang tidak disanjung lagi oleh masyarakat Malaysia kerana tidak berkualiti lagi, boleh akhirnya menjadi pupus, dalam pengertian peranan-peranan rasminya diambil alih/digantikan satu per satu oleh bahasa Inggeris.

Anjakan/peralihan bahasa yang merupakan salah satu manifestasi kepupusan bahasa, yang giat berlaku di seluruh dunia pada alaf baharu ini, sebenarnya merupakan keadaan (a) pemberhentian penggunaan bahasa sesebuah masyarakat/negara, dan (b) penggantinya dengan/oleh bahasa sebuah masyarakat/negara lain yang maju dan berprestij, dalam bidang-bidang penting, termasuk ranah rasmi.

Dalam kerangka ini, bahasa Melayu dalam kerancuan yang pelbagai itu dan peranannya yang tidak penting lagi dalam ranah rasmi, sebenarnya berada pada keadaan “tidak (begitu) selamat” dalam konteks dan teori pelestarian bahasa, yakni bahasa Melayu boleh pupus kalau sesuatu tidak dilakukan untuk “menyelamatnya” daripada keadaan kemerosotan yang sedang melandanya.

Anjakan/peralihan bahasa (daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris) yang telah bermula akibat perubahan dasar pada Januari 2003, antara lain berlaku kerana tuntutan tamadun moden, seperti tekanan globalisasi dan desakan modenisasi yang berasak-asak, yang mementingkan penggunaan bahasa Inggeris. Anjakan/peralihan bahasa ini juga boleh dilihat sebagai penurunan taraf bahasa Melayu. Dalam konteks ini, bahasa Melayu dianggap tidak mampu lagi menjadi alat yang berjaya untuk menjana dan mengunngkapkan peradaban bangsa Malaysia dalam bidang sains dan teknologi.

Dengan perkataan lain, bahasa Melayu dianggap sebagai liabiliti dalam era globalisasi. Penggunaan bahasa Melayu secara berterusan dalam bidang sains dan teknologi, boleh menimbulkan masalah kepada Malaysia, yakni boleh meletakkan negara dalam risiko (Teo Kok Seong, 2002b:6). Ini adalah kerana Malaysia boleh ketinggalan dalam arus dan bahang globalisasi.

Anjakan/peralihan bahasa yang berlaku itu memperlihatkan bahawa Malaysia cepat menyerah dan mudah tunduk kepada tekanan globalisasi khususnya, dan desakan modenisasi amnya. Sebenarnya, anjakan/peralihan bahasa itu ikut memperlihatkan betapa kurangnya daya ketahanan dan lemahnya semangat melawan Malaysia sewaktu menghadapi cabaran dan tentangan daripada bahasa Inggeris.

Adakah bahasa Inggeris itu betul-betul mengancam Malaysia sehingga ia terpaksa melakukan perubahan dasar dalam sesuatu yang penting seperti pendidikan? Kalau jawapannya adalah “ya”, Malaysia dengan mudah dan cepat boleh membuat kesimpulan bahawa bahasa Inggeris merupakan pengkhianat, penjahat, dan penganiaya sehingga “membunuh” bahasa Melayu, dan bahasa-bahasa lain di dunia dalam era globalisasi ini (Teo Kok Seong, 2004f:16–18). Ini adalah kerana kita tidak dapat menangani dan mengimbangi kekuasaan bahasa Inggeris, dengan baik dan bijak, seperti yang dilakukan oleh Jepun dan Korea Selatan (Teo Kok Seong, 2004e:13).

Mungkin, banyak pihak yang berpendapat bahawa “pembunuhan” itu yang bermula dengan (a) proses kemerosotan yang berlaku pada bahasa Melayu (dalam pelbagai keadaan kerancuan), dan (b) penurunan statusnya apabila berlaku anjakan/peralihan bahasa dalam sistem pendidikan kebangsaan yang mengurangkan fungsi bahasa Melayu dan menokok fungsi bahasa Inggeris, adalah akibat daripada asakan dan kekuasaan bahasa Inggeris, yang tidak dapat ditepis langsung oleh bahasa Melayu/negara Malaysia

Sebenarnya, bahasa Inggeris tidak boleh dipersalahkan langsung dalam hal “pembunuhan” ini. Masyarakat Malaysia harus dipersalahkan sepenuhnya. Bahasa Inggeris dan lebih-lebih lagi masyarakat Inggeris walau bagaimana

licik sekalipun, tidak pernah mempunyai hasrat ini dan/atau menyusun strategi melalui apa-apa perancangan yang macam mana rapi sekalipun, untuk menawan mana-mana bahasa/masyarakat di dunia ini.

Adalah tidak begitu mudah untuk bahasa Inggeris dan masyarakat Inggeris untuk mengatur rancangan bagi merosakkan (melalui proses kemerosotan bahasa Melayu) dan menenyapkan bahasa Melayu (melalui proses anjakan/peralihan bahasa Melayu ke bahasa Inggeris). Sebaliknya, kemerosotan dan kepupusan yang berlaku pada bahasa Melayu kini adalah kerana (a) masyarakat Malaysia sendiri yang berhasrat untuk meninggalkan bahasa Melayu dan mengalih kepada bahasa Inggeris, dan juga (b) masyarakat Malaysia sendiri yang tidak bangga dan tidak sayang kepada bahasa Melayu lagi, dan tidak mahu melestarikannya lagi!

Pembanterasan Kerancuan dalam Bahasa Melayu

Nasib, masa depan, dan jangka hayat bahasa Melayu, yakni hidup mati dan maju mundurnya bahasa Melayu, sebenarnya terletak pada/berada dalam tangan masyarakat Malaysia sepenuhnya. Semua ini boleh ditentukan sepenuhnya oleh masyarakat Malaysia melalui cara-cara kita menguruskan bahasa Melayu.

Pengurusan bahasa Melayu boleh berlaku pada dua tahap: (a) pemerintah dan (b) masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu, khususnya para penutur natif. Pemerintah boleh mengambil/membuat keputusan yang berhubung dengan dasar dan hal perundangan serta segala macam yang lain melalui kuasa politik, yang sudah tentu boleh memperkasakan bahasa Melayu. Masyarakat pula boleh terlibat dalam hal pengurusan bahasa Melayu dengan antaranya mengamalkan cara berbahasa yang tidak rancu.

Sebagai langkah dan usaha pembanterasan kerancuan dalam bahasa Melayu semasa, satu “budaya linguistik bahasa Melayu” hendaklah dibentuk/dipupuk segera. Budaya linguistik bahasa Melayu ini antaranya merujuk kepada “pengertian/pemahaman, kepercayaan, sikap, nilai, dan segala macam yang lain yang positif sifatnya, yang diperlihatkan oleh masyarakat Malaysia terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa negara” (Teo Kok Seong, 2002a:23).

Budaya linguistik bahasa Melayu yang ingin dibentuk dan selanjutnya dipupuk ini antaranya/sekurang-kurangnya meliputi:

- (i) penggunaan bahasa Melayu yang baik/betul
(dari segi pembakuan bahasa Melayu)

- (ii) penggunaan bahasa Melayu yang murni/tulen
(dari segi tidak bercampur aduk dengan bahasa Inggeris)
- (iii) penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya dalam ranah rasmi
(dari segi fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi)

Diharapkan melalui budaya linguistik bahasa Melayu yang ingin dipupuk itu, “ideologi bahasa kebangsaan” (yang ikut menyangkut peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi) yang antaranya berkisar pada nilai-nilai sosial dan budaya penting, seperti (a) jati diri linguistik (yang utuh), dan (b) semangat patriotisme linguistik (yang padat), akan ikut terpupuk.

Ideologi bahasa kebangsaan ini amat penting dan hendaklah dibentuk segera, lebih-lebih lagi untuk membina semula martabat bahasa Melayu yang mulai (atau sudah) “hilang” akibat pergolakan di antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris akibat proses globalisasi, dan kekeliruan yang terjadi akibat pergolakan ini.

KESIMPULAN

Bahasa Melayu hanya boleh menjadi kuat, perkasa, besar dan hebat sebagai bahasa yang mampu menjana dan mengungkapkan peradaban tinggi untuk bangsa Malaysia, melalui ragam bakunya yang digunakan secara bestari, yakni tidak rancu, lebih-lebih lagi dalam ranah rasmi.

Syarat linguistik ini adalah penting sekali kalau Malaysia hendak terus menjadikan bahasa Melayu sebagai salah sebuah bahasa moden di dunia, yang mampu mengungkapkan segala macam hal, baik yang konkrit mahupun abstrak, dalam apa-apa jua disiplin ilmiah.

Martabat dan citra bahasa Melayu selaku bahasa negara, hendaklah sentiasa dijaga oleh semua pihak dan lapisan masyarakat Malaysia, agar bahasa Melayu tidak berkembang dan wujud dalam keadaan yang kononnya bersifat maju (tetapi nyata meleset sekali) atas alasan (a) perkembangan bahasa yang progresif (misalnya melalui penciptaan bentuk bahasa “*infotaimen*” dan “*sure heboh*” dan penterjemahan “*syarat dan terma tertakluk*” untuk “*terms dan conditions apply*”) (b) gaya berbahasa semasa (misalnya melalui penggubalan slogan “*Rakan Cop*” dan “*Cari Champion*”, dan pembentukan frasa “*Zoom in bersama ... (Mawi)*”, dan (c) kebebasan dan hak asasi linguistik yang palsu (misalnya penggunaan bahasa Inggeris dalam ranah rasmi sewaktu pelancaran kereta nasional *Satria Neo*)

RUJUKAN

- Nik Safiah Haji Karim, 1986. "Ke Arah Penguasaan dan Penghayatan Bahasa Melayu Tinggi: Matlamat Pengajaran Bahasa dan Sastera Kini", dlm. Nik Safiah Haji Karim (ed.), 1986. *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur:Persatuan Linguistik Malaysia dengan Kerjasama Nurin Enterprise.
- Teo Kok Seong, 1999. "Kedominanan Bahasa Melayu di Malaysia". *Jurnal Dewan Bahasa* 43:1, hlm. 25–33, 1999.
- Teo Kok Seong, 2002a. "Penggunaan 'Bahasa Tidak Baik' dalam Bidang Penyiaran". *Dewan Bahasa* 2:9, hlm. 16–23, 2002.
- Teo Kok Seong, 2002b. "Bahasa Melayu dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia:Aset atau Liabiliti"? Kertas kerja dalam Persidangan Linguistik Asean 2, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Brunei Darussalam, 28–30 Oktober 2002.
- Teo Kok Seong, 2004a. "Peranan Bahasa dalam Penerbitan Rancangan Radio". Kertas edaran dalam Kursus Asas Penerbitan Rancangan Radio. Institut Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR), Jabatan Penyiaran Malaysia, 6–22 Mei 2004.
- Teo Kok Seong, 2004b. "Hadirin Diminta *Switch Off* Telefon Bimbit" dlm. *Pelita Bahasa* 16:6, hlm. 15–17, 2004.
- Teo Kok Seong, 2004c. "Pemantauan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Media Elektronik". Laporan Pembentangan Projek Pemantauan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Media Elektronik. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1 Julai 2004.
- Teo Kok Seong, 2004d. "Bahasa Melayu Rojak:Persoalan Kemurnian dan Jati Diri Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Negara". Kertas kerja dalam Seminar Pembanterasan Bahasa Rojak. Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan dengan Kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, Melaka, (IKSEP), 8 Julai 2004.
- Teo Kok Seong, 2004e. "Malay Language Professionals Not Bigoted Nationalists" dlm. *New Straits Times*, 12 Ogos 2004.
- Teo Kok Seong, 2004f. "Hubungan Erat Penutur dengan Bahasanya" dlm. *Pelita Bahasa* 16:10, hlm. 16–18, 2004.
- Zainal-'Abidin bin Ahmad, 1958. *Pelita Bahasa Melayu:Penggal 1 (Permulaan Nahu Melayu)*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.